

KERTAS KERJA

*Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat, Local Agenda 21 & Pembangunan Mampan,
Majlis Perbandaran Sepang Bil.2/2019*

DARIPADA :
JABATAN PERANCANGAN BANDAR
MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

CADANGAN PROGRAM KOMUNITI KEPOLISAN ('POLICING COMMUNITY') DAN PENCEGAHAN JENAYAH MELALUI PENDIDIKAN DI BAWAH PROGRAM BANDAR SELAMAT, MAJLIS PERBANDARAN SEPANG SECARA KOLABORASI DENGAN JABATAN PENDIDIKAN DAERAH SEPANG, IBU PEJABAT POLIS DAERAH SEPANG DAN KIPMALL KOTA WARISAN

1.0 TUJUAN

Kertas kerja ini adalah bertujuan untuk mendapatkan pertimbangan Mesyuarat bagi cadangan mengadakan Program Komuniti Kepolisian ('Policing Community') dan Pencegahan Jenayah melalui pendidikan di bawah Program Bandar Selamat, Majlis Perbandaran Sepang secara kolaborasi dengan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor/Daerah Sepang, Ibu Pejabat Polis (IPD) Daerah Sepang dan Majlis Perbandaran Sepang. (MPSepang)

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Merujuk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat, LA21 dan Pembangunan Mampan Bil.1/2019 yang bersidang pada 20hb Mac 2019 yang lalu telah bersetuju untuk melaksanakan program 'Policing Community' ini dengan pihak sekolah dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Polis DiRaja Malaysia (IPD Sepang) dan MPSepang.
- 2.2 Mesyuarat secara dasar bersetuju bagi Cadangan Program 'Policing Community', Penyediaan Ruang (Wall Stickers) Tips Pencegahan Jenayah, Ceramah Interaktif Pencegahan Dan Demo Survival Jenayah Peringkat Sekolah.
- 2.3 Mesyuarat bersetuju supaya pihak Urusetia mengadakan Mesyuarat susulan bersama pihak Polis dan Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang bagi mengenal pasti enam (6) sekolah yang akan terlibat dengan program ini.

3.0 ASAS PERTIMBANGAN

- 3.1 Satu mesyuarat susulan bersama pihak Jabatan Pendidikan Daerah Sepang, pihak Polis Daerah Sepang, Yaysan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) dan MPSepang telah diadakan pada 24 April 2019. Mesyuarat tersebut antara lain membincangkan kaedah yang sesuai bagi melaksanakan program serta pemilihan enam (6) buah sekolah (Pilot Projek) oleh pihak IPD Sepang bersama Jabatan Pendidikan Daerah Sepang berdasarkan kepada rekod dan data semasa / statistik jenayah / kes di peringkat sekolah oleh pihak IPD Sepang dan Jabatan Pendidikan Daerah Sepang.
- 3.2 Merujuk kepada pihak IPD Sepang setiap sekolah di Daerah Sepang ini telah dibekalkan setiap anggota / pegawai Polis khas yang akan memantau setiap sekolah di Daerah Sepang bersama guru khas (Guru Disiplin). Impak yang paling berkesan kepada pelajar yang bermasalah adalah melalui kaunseling secara ‘bersemuka’. Walaubagaimanapun, peranan ibu bapa juga amat penting, Justeru itu, untuk permulaan ini, pihak IPD Sepang mencadangkan supaya taklimat interaktif ke sekolah yang dipilih tersebut disekalikan dan dicadangkan dibuat samada di tempat-tempat umum seperti kawasan komersil yang mana boleh menuntut penglibatan ibu bapa bersama. Tarikan program lain juga perlu difikirkan bersama seperti mengadakan pameran melibatkan lain-lain agensi seperti pihak AADK, IPD Sepang, Yayasan Pencegahan Jenayah.
- 3.3 Sebagaimana sedia maklum, Program yang julung kali diadakan dianjurkan MPSepang bersama Jabatan Pendidikan Sepang, IPD Sepang , Malaysia Crime Prevention Foundation (MCPF) / Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia ini akan melibatkan dua (2) bahagian iaitu :

BAHAGIAN 1

Program (Ceramah Interaktif) yang akan dilaksanakan diperingkat sekolah kepada pelajar sekolah ialah :

- a) Pengenalan – Tren Jenayah Semasa
 - *Kesedaran Siber - Peranan media sosial & Kesannya*
 - *Tren jenayah siber/jenayah komputer di Malaysia 2018*
 - *Keganasan Siber -Apa & Kenapa*
 - *Fakta Semasa Aplikasi- Apa yang perlu diketahui ?*
 - *Kesan Psikologi (psychological effects)*
 - *Ketagihan gajet, siber & Kesannya*
 - *Penjenayah Siber*
 - *Kenapa sayaMangsa?*
 - *Ketagihan & Kesihatan Mental*
 - *Jenis-Jenis Jenayah Siber*
 - *Kekerapan kes yang dilaporkan*
 - *Golongan yang menjadi mangsa*
 - *Faktor Terpedaya /penyumbang statistik jenayah siber*

b) Pencegahan dan Survival Jenayah

- *Tips dan pencegahan*
- *Penyelesaian Konflik*
- *Persembahan Audio Visual*

BAHAGIAN 2

Penyediaan tips pencegahan jenayah di dinding sekolah yang akan dikenalpasti adalah bersaiz 10 kaki (panjang) dan 8 kaki (tinggi). Contoh ‘Benchmarking’ adalah seperti tips kesihatan di ruangan tangga Majlis Perbandaran Sepang. Pada masa ini, lawatan tapak akan dibuat setalah mendapat kelulusan dan maklum balas daripada pihak Jabatan Pendidikan Daerah Sepang. Pelaksanaan (Pilot Projek) melibatkan enam (6) buah sekolah ini akan diteruskan ke sekolah-sekolah lain tertakluk kepada peruntukan semasa dan persetujuan pihak sekolah khususnya Jabatan Pendidikan Negeri Selangor / Pejabat Pendidikan Daerah Sepang.

4.0 PESERTA/ KUMPULAN SASAR

Dianggarkan seramai 200 orang peserta akan terlibat di dalam program ini dan para peserta adalah seperti berikut :

- i. Pegawai dan Ahli Majlis, MPSepang ;
- ii. Agensi Kerajaan / Badan berkanun berkaitan ;
- iii. Murid-murid dan guru pengiring daripada sekolah yang telah dipilih adalah seperti berikut :
 - a) Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Salak Tinggi
 - b) Sekolah Kebangsaan Taman Putra Perdana
 - c) Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Salak Tinggi
 - d) Sekolah Menengah Kebangsaan Dengkil
 - e) Sekolah Menengah Putra Perdana
 - f) Sekolah Menengah Dato' Abu Bakar Baginda
- iv. NGO, Stakeholder, Pihak Swasta.
- v. Komuniti Setempat

5.0 ATURCARA PROGRAM

Berdasarkan perbincangan bersama pihak Jabatan Pendidikan Negeri Selangor / Daerah Sepang dan Pihak Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang, Program ‘Policing Community’ ini telah ditetapkan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :

Tarikh : **24 Ogos 2019 (Sabtu)**

Masa : **10.00 pagi – 2.00 Petang**

Tempat : **KipMall Kota Warisan, Sepang**

Perincian aturcara program adalah seperti di **Lampiran**

6.0 IMPLIKASI KEWANGAN

Pelaksanaan program ‘Policing Community’ ini akan dilaksanakan dengan kerjasama semua pihak dan melibatkan peruntukan daripada pelbagai pihak seperti berikut :

a) Logistik

Pihak Kip Mall Kota Warisan secara dasarnya bersetuju untuk menyediakan CSR bagi logistik termasuk pentas, kerusi, meja, Sistem Audio serta sewaan ruang untuk program ini.

b) Penyediaan Makanan pagi dan Makanan Tengahari

Sarapan pagi akan dibayai sepenuhnya oleh Pihak Majlis Perbandaran Sepang, manakala bagi makanan tengahari, pihak MPSepang telah mengadakan perbincangan dengan pihak KFC untuk menyediakan pakej One Box iaitu pakej makanan tengahari kepada para pelajar serta peserta yang terlibat samada secara CSR atau ‘Cost Sharing Basis’ bersama pihak MPSepang.

c) Mural / Tips Pencegahan Jenayah di Sekolah Terlibat

Segala kos penyediaan rekabentuk dan pemasangan ‘Wall Stickers’ tips Pencegahan Jenayah ini akan disediakan oleh pihak MPSepang dengan dibantu input / maklumat daripada pihak Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia

d) Pameran

Segala kos penyediaan pameran yang melibatkan beberapa agensi seperti Agensi AntiDadah Kebangsaan (Daerah Sepang), Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang (PDRM), Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia dan Majlis Perbandaran Sepang (Tahun Melawat Sepang) akan melibatkan kos daripada agensi masing-masing.

e) Pengangkutan

Pihak Jabatan Pendidikan Daerah Sepang juga memohon bantuan pihak MPSepang supaya dapat menyediakan bas (pergi dan balik) daripada sekolah ke Kip Mall Kota Warisan.

7.0 SYOR

Ahli-ahli mesyuarat yang bersidang di pohon untuk mempertimbangkan syor-syor seperti berikut :


- a) Bersetuju terhadap cadangan penganjuran Program '**Policing Community' Dan Pencegahan Jenayah Melalui Pendidikan** anjuran Majlis Perbandaran Sepang secara kolaborasi Jabatan Pendidikan Daerah Sepang, PDRM / IPD Sepang serta Sektor Swasta yang lain pada **24 Ogos 2019 (Sabtu)** di **KIP Mall, Kota Warisan**.
- b) Bersetuju terhadap cadangan **Aturcara Program** 'Policing Community' seperti di **Lampiran** ;
- c) Bersetuju terhadap cadangan mengadakan Program 'Policing Community' melalui penyediaan ruang (Wall Stickers) pencegahan jenayah, Ceramah Interaktif Pencegahan Jenayah dan Demo Survival Jenayah peringkat sekolah di Daerah Sepang (Pilot Projek) melibatkan sekolah-sekolah berikut :
 - i. Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Salak Tinggi
 - ii. Sekolah Kebangsaan Taman Putra Perdana
 - iii. Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Salak Tinggi
 - iv. Sekolah Menengah Kebangsaan Dengkil
 - v. Sekolah Menengah Putra Perdana
 - vi. Sekolah Menengah Dato' Abu Bakar Baginda
- d) Bersetuju tehadap implikasi kewangan yang melibatkan pelbagai agensi serta 'CSR' (Contract Social Responsibility) yang melibatkan sektor swasta seperti Kip Mall Kota Warisan, KFC dan seumpamanya.

Disediakan oleh :

*Unit Bandar Selamat, Bahagian Pembangunan Mampan,
Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang.
12 Julai 2019*

LAMPIRAN

'Floor Plan' (Promotion Area) Program 'Policing Community' di KIP Mall Kota Warisan



'Overall Floor Plan' (Promotion Area)
Program 'Policing Community' di KIP Mall Kota Warisan





PROGRAM KOMUNITI KEPOLISAN (POLICING COMMUNITY) & PENCEGAHAN JENAYAH MELALUI PENDIDIKAN DIBAWAH PROGRAM BANDAR SELAMAT, MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

24 Ogos 2019 (Sabtu) | 10.00 a.m – 2.00 p.m | KIP Mall, Kota Warisan

Anjuran & Kolaborasi :



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

KIPMALL
YOUR LOCAL SHOPPING EXPERIENCE

PENGENALAN

Program Bandar Selamat mempunyai 15 langkah pencegahan jenayah yang telah dilancarkan pada tahun 2010. Salah satu (1) langkah adalah melalui kempen, program kesedaran awam serta pendidikan awal khususnya di peringkat sekolah. Berdasarkan tren semasa kini, jenayah yang berlaku semakin kompleks iaitu melalui penggunaan media sosial dan juga Siber. Justeru itu, pihak Majlis Perbandaran Sepang, melalui Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selama, Local Agenda 21 dan Pembangunan Mampan Bil.1/2019 yang bersidang pada 20 Mac 2019 secara dasarnya bersetuju untuk mengadakan program ‘Policing Community’ dengan memberikan tumpuan kepada permasalah ketagihan Gajet dan Siber yang julungkali diadakan secara kolaborasi dengan Jabatan Pendidikan Sepang dan agensi swasta yang lain.

OBJEKTIF

Memberikan pendedahan kepada pengajar dan juga para pelajar sekolah berkenaan pencegahan pelbagai jenayah seperti jenayah jalanan, jenayah harta benda, jenayah siber, dan seterusnya mengelakkan risiko menjadi mangsa. Taklimat interaktif yang disertakan dengan demo kesedaran serta tips pencegahan jenayah yang dipimpin oleh Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia atau MCPF (*Malaysian Crime Prevention Foundation*) diharapkan dapat membantu pihak PDRM dalam menjaga keselamatan dan keamanan di peringkat negara dan Daerah Sepang khususnya. Antara kandungan taklimat interaktif adalah seperti berikut :

a) Pengenalan – Tren Jenayah Semasa

- ✓ Kesedaran Siber - Peranan media sosial & Kesannya
- ✓ Tren jenayah siber/jenayah komputer di Malaysia 2018
- ✓ Keganasan Siber -Apa & Kenapa
- ✓ Fakta Semasa Aplikasi- Apa yang perlu diketahui ?
- ✓ Kesan Psikologi (*psychological effects*)
- ✓ Ketagihan gajet, siber & Kesannya
- ✓ Penjenayah Siber
- ✓ Kenapa sayaMangsa?
- ✓ Ketagihan & Kesihatan Mental
- ✓ Jenis-Jenis Jenayah Siber
- ✓ Kekerapan kes yang dilaporkan
- ✓ Golongan yang menjadi mangsa
- ✓ Faktor Terpedaya /penyumbang statistik jenayah siber

b) Pencegahan dan Survival Jenayah

- ✓ Tips dan pencegahan
- ✓ Penyelesaian Konflik
- ✓ Persembahan Audio Visual

ATURCARA PROGRAM

10.00 pagi

- ❖ Pendaftaran
- ❖ Ketibaan para pelajar sekolah dan guru sekolah
- ❖ Ketibaan Ahli Majlis dan Para Pegawai MPSepang dan Pegawai daripada Kerajaan Negeri & Persekutuan.
- ❖ Ketibaan Yang DiPertua, MPSepang

10.30 pagi

- ❖ Bacaan Doa
- Encik Mohd Zaki bin Ansor,
Majlis Perbandaran Sepang*

❖ Ucapan Aluan & Perasmian

- Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim,
Yang DiPertua,
Majlis Perbandaran Sepang*

- ❖ Penyampaian ‘Pledge’ / Ikrar Pencegahan Jenayah
 - a) Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Salak Tinggi
 - b) Sekolah Kebangsaan Taman Putra Perdana
 - c) Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Salak Tinggi
 - d) Sekolah Menengah Kebangsaan Dengkil
 - e) Sekolah Menengah Kebangsaan Putra Perdana
 - f) Sekolah Memengah Kebangsaan Dato' Abu Bakar Baginda

11.30 pagi - 12.30 tengahari

- ❖ Ceramah Interaktif dan Persembahan Demonstrasni Pencegahan dan Survival Jenayah
- Master Saiful, Exco Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia / Founder Kick Start Academy*

12.30 pagi – 2.00 Petang

- ❖ Lawatan ke Tapak Pameran oleh Agensi
 - i. Agensi AntiDadah Kebangsaan Daerah Sepang
 - ii. Polis Di Raja Malaysia (PDRM)
 - iii. Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia
 - iv. Majlis Perbandaran Sepang (TMS2020)

12.30 petang – 02.00 Petang

- ❖ Penyampaian ‘Cenderahati’ kepada Para Pelajar yang terlibat.
- ❖ Makan Tengahari (KFC)
- ❖ Solat Zuhur.
- ❖ Majlis Bersurau